

Biodiversiti ubat kanser

B/H Metro 19/7/12 MS 20

BILA disebut saja mengenai kanser, kerap kali ia akan mencetuskan rasa gerun dan 'fobia' bagi ramai anggota masyarakat.

Ini kerana kanser biasanya membawa persepsi bahawa sesiapa yang menghidapnya akan merana dan akhirnya akan 'mengaku kalah' kepada penyakit yang berbahaya ini.

Apa itu kanser?

Menurut pakar perubatan, kanser ialah satu penyakit disebabkan 'percambahan atau pembiakan tanpa kawalan' sel-sel abnormal dalam badan. Ia adalah situasi di mana wujudnya satu pertumbuhan atau tumor daripada percambahan sel-sel abnormal ini.

Kanser boleh disembuhkan tetapi wujudnya kebarangkalian 'remission' (kemunculan semula) sel-sel kanser yang sudah dianggap 'hilang'.

Bagaimanapun penyelidikan dan kajian yang dijalankan menunjukkan sebanyak 50 peratus kes kanser dapat dihalang.

Kajian kanser

Mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapannya pada jamuan malam bagi meraikan ulang tahun ke-10 Yayasan Inisiatif Kajian Kanser (Ca-




"Kita tidak akan tahu, pada masa hadapan mungkin keluarga rapat menjadi mangsa penyakit ini... kajian (mengenai kanser) adalah penting bagi kita"

>Tun Dr Mahathir Mohamad

rif) baru-baru ini menyatakan adalah penting bagi masyarakat menghargai usaha menjalankan penyelidikan dan kajian berhubung kanser.

Beliau menyeru masyarakat agar sedar mengenai kepentingan kajian mengenai kanser, terutama usaha yang di-



DR TEO...penyelidikan boleh mengubah kehidupan pesakit

reka juga seharusnya tidak mudah berputus asa bila menghadapi kegagalan.

Dr Mahathir juga berkongsi pengalaman di mana beliau kehilangan abang ipar, yang menghidap kanser hati.

"Ia berlaku satu ketika dulu pada zaman saya masih menjadi pengamal perubatan. Ketika itu saya menjalankan pemeriksaan terhadap abang ipar bila saya dapati ada sesuatu yang keras di bawah paru-parunya. Saya tahu bahawa itu adalah kanser hati.

"Sungguh menyedihkan kerana masa itu kita tidak berupaya berbuat apa-apa bagi menyelamatkan beliau. Tetapi kini kita sudah bergerak jauh dalam kajian mencari ubatnya, jadi kita perlu terus mengorak langkah," ujar beliau.

Harapan ada di sini

'Hopes lives here' (Harapan ada di sini) ialah tema ulang tahun ke-10 Carif.

Carif bermula dengan makmal yang hanya berukuran 65.03 meter persegi dan enam penyelidik. Hari ini, Carif beroperasi di makmal berukuran 557.4 meter persegi di Sime Darby Medical Centre dengan 40 penyelidik.

Ketua pegawai eksekutif Carif, Prof Dr Teo Soo-Hwang, berkata tema itu membawa kepercayaan or-

jalankan Carif di negara ini.

“Orang ramai perlu sedar bahawa sumbangan adalah perlu bagi badan sukarela seperti Carif untuk terus berusaha mencari penyelesaian.

“Kita tidak akan tahu, pada masa hadapan mungkin keluarga rapat menjadi mangsa penyakit ini... kajian (menge-nai kanser) adalah penting bagi kita,” kata beliau.

Penyelidikan memakan masa serta kos yang tinggi tetapi tidak banyak mengeluarkan hasil. Bagaimanapun usaha berterusan perlu sehingga perang terhadap penyakit ini mencapai kejayaan.

“Kalau kita berhenti membuat penyelidikan, kita tidak akan jumpa ubatnya tetapi kalau kita terus berusaha, mungkin esok, mungkin minggu depan kita akan jumpa ubatnya. Harapan ada di sini,” katanya.

Katanya, mereka yang membuat kajian ini perlu bersungguh-sungguh dan bukan hanya mengejar keuntungan semata-mata. Me-

ganisasi berhubung jawapan terhadap rawatan dan pencegahan kanser wujud dalam biodiversiti Malaysia.

“Carif memberi fokus terhadap program penyelidikan yang menggabungkan kekuatan penyelidik dan sumber dalam negara bersama kerjasama dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun dan Australia.

“Kita beri fokus bagaimana gen Asia memberi respon terhadap rawatan, berlainan daripada mereka dari barat. Kami juga fokus terhadap terapi yang mempunyai kurang kesan sampingan bagi kanser yang kerap berlaku kepada orang Asia seperti kanser mulut dan nasofaring,” jelas beliau.

Menurut Prof Teo, Carif bertujuan memaksimumkan biodiversiti Malaysia terhadap pencarian kompaun antikanser.

“Penyelidikan boleh mengubah sesuatu ke atas kehidupan pesakit dan ia satu-satunya jalan bagi kita memerangi penyakit kanser,” tambah profesor itu. - Bernama